

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN KEDUA 2024

**Jumlah jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 1.5 peratus dengan merekodkan 8.96 juta jawatan pada suku tahun kedua 2024**

**PUTRAJAYA, 14 OGOS 2024** – Jumlah jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 1.5 peratus dengan merekodkan 8.96 juta jawatan pada suku tahun kedua 2024, seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **Statistik Guna Tenaga, Suku Tahun Kedua 2024** berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan jawatan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Pada suku tahun kedua 2024, jumlah jawatan kekal menunjukkan trend meningkat, dengan pertumbuhan dari tahun ke tahun sebanyak 1.5 peratus atau pertambahan sebanyak 128.8 ribu jawatan, mencatatkan sebanyak 8.96 juta jawatan berbanding suku yang sama tahun sebelumnya (ST2 2023: 8.83 juta). Peningkatan jumlah jawatan ini seiring dengan kadar pengangguran yang kekal stabil pada 3.3 peratus seperti yang direkodkan di Laporan Statistik Tenaga Buruh, Suku Tahun Kedua 2024. Trend ini dijangka kekal stabil sehingga akhir tahun ini lanjutan daripada ekonomi domestik yang kukuh dan pemulihan perdagangan luar negeri. Melangkah ke hadapan, prestasi eksport dijangka meningkat, selari dengan potensi kemasukan pelaburan ke dalam negara ini yang akan mewujudkan lebih banyak jawatan."

Dalam kenyataannya mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan memaklumkan bahawa bilangan jawatan diisi pada suku tahun kedua 2024 mengukuh pada kadar 1.5 peratus untuk merekodkan 8.76 juta jawatan (ST2 2023: 8.64 juta). Demikian juga, bilangan kekosongan jawatan dalam sektor ekonomi adalah

191.4 ribu, meningkat sebanyak 0.8 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun lepas (ST2 2023: 189.8 ribu). Untuk kadar kepada jawatan, kadar jawatan diisi kekal tinggi pada 97.9 peratus manakala kadar kekosongan jawatan adalah sebanyak 2.1 peratus. Selain itu, bilangan pewujudan jawatan pada suku tahun ini juga meningkat secara perlahan sebanyak 0.5 peratus untuk mencatatkan 31.9 ribu jawatan (ST2 2023: 31.7 ribu).

Mengulas dengan lebih lanjut mengenai bilangan jawatan diisi, trend peningkatan yang konsisten menggambarkan perkembangan ekonomi semasa. Kestabilan ini juga dapat dilihat dengan jelas pada pertumbuhan tahun ke tahun yang positif bagi semua sektor ekonomi pada suku tahun ini. Sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada 3.9 peratus, diikuti oleh Perkhidmatan (1.6%) dan Pembuatan (1.3%). Bagi perincian jawatan diisi mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dengan 4.62 juta jawatan (52.8%), diikuti oleh Pembuatan (2.35 juta; 26.8%) dan Pembinaan (1.24 juta; 14.2%). Mengikut kategori kemahiran, jawatan diisi tertumpu di kategori separuh mahir dengan 5.49 juta jawatan, bersamaan 62.7 peratus, diikuti oleh kategori mahir dengan 2.19 juta jawatan (25.0%) dan kategori berkemahiran rendah dengan 1.08 juta jawatan (12.3%).

Melihat kepada kekosongan jawatan, Ketua Perangkawan menambah, "Terdapat 191.4 ribu kekosongan jawatan dalam sektor ekonomi pada suku tahun ini, peningkatan sebanyak 0.8 peratus berbanding suku tahun kedua 2023 (189.8 ribu). Analisis kekosongan jawatan mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 55.8 peratus dengan sejumlah 106.8 ribu kekosongan jawatan, diikuti oleh kategori mahir dan berkemahiran rendah, masing-masing dengan 25.1 peratus (48.0 ribu) dan 19.1 peratus (36.7 ribu). Mengikut aktiviti ekonomi, sektor Pembuatan terus mencatatkan trend positif bagi kekosongan jawatan dengan sumbangan sebanyak 56.6 peratus (108.3 ribu), terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (33.6 ribu). Seterusnya, diikuti oleh sektor Pertanian, menawarkan 31.8 ribu kekosongan jawatan (16.6%) dan sektor Pembinaan dengan 26.0 ribu kekosongan jawatan (13.6%)."

Pada suku tahun ini, Malaysia menunjukkan peningkatan dalam pewujudan jawatan dengan pertambahan 31.9 ribu jawatan baharu untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam pelbagai sektor ekonomi berbanding suku sama tahun sebelumnya (ST2 2023: 31.7 ribu). Daripada jumlah pewujudan jawatan, kategori separuh mahir merupakan penyumbang terbesar dengan 20.0 ribu jawatan (62.9%), diikuti oleh kategori mahir dengan 8.5 ribu jawatan (26.7%) dan kategori berkemahiran rendah dengan 3.3 ribu jawatan (10.4%). Melihat kepada komposisi pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar merangkumi 49.8 peratus (15.8 ribu), terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit (8.7 ribu). Seterusnya, sektor Pembuatan menyumbang sebanyak 33.9 peratus, mewujudkan 10.8 ribu jawatan baharu yang

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 14 Ogos 2024**

didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal dengan 3.9 ribu pekerjaan yang diwujudkan. Sementara itu, sektor Pembinaan merangkumi 11.6 peratus, bersamaan 3.7 ribu jawatan yang diwujudkan.

Merumuskan kenyataannya mengenai penerbitan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Permintaan buruh dijangka kekal stabil sepanjang tahun 2024 dengan trend pengambilan pekerja yang positif didorong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam sektor Perkhidmatan. Petunjuk ini juga disokong oleh momentum positif yang berterusan dalam ekonomi domestik dan pemulihan perdagangan global, terutamanya dalam sektor Pembuatan. Ia selari dengan peningkatan bilangan penduduk bekerja sebanyak 1.2 peratus yang dilaporkan dalam Laporan Statistik Tenaga Buruh, Suku Tahun Kedua 2024. Selain itu, peningkatan jumlah pekerja dari tahun ke tahun sebanyak 1.7 peratus bagi sektor Perkhidmatan sepertimana dilaporkan dalam penerbitan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Tahun Kedua 2024 juga selari dengan momentum positif yang diperkuatkan oleh perkembangan aktiviti ekonomi.

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian".

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


### Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST2 2024



### Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kemahiran, ST2 2024



**Paparan 3: Permintaan Buruh mengikut Sektor Ekonomi, ST2 2024  
(% Sumbangan)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
14 OGOS 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## **EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA SECOND QUARTER OF 2024**

***Total jobs in the economic sector increased by 1.5 per cent to record 8.96 million jobs in the second quarter of 2024***

**PUTRAJAYA, AUGUST 14, 2024** – Total jobs in the economic sector increased by 1.5 per cent to record 8.96 million jobs in the second quarter of 2024, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. These statistics were published in the report of **Employment Statistics, Second Quarter of 2024** based on the Employment Survey conducted on registered businesses in the private sector. The report presents the labour demand statistics, encompassing the number of jobs, filled jobs, jobs vacancy and jobs created indicators by skills category and economic activity.

In a statement today, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “In the second quarter of 2024, the number of jobs continued its upward trend, marking a year-on-year growth by 1.5 per cent or an increment of 128.8 thousand jobs bringing a total of 8.96 million, as against to the same quarter of the preceding year (Q2 2023: 8.83 million). The growth in the number of jobs is aligned with the unemployment rate holding steady at 3.3 per cent as recorded in the Labour Force Statistics Report, Second Quarter of 2024. The trend is foreseen to remain stable until the end of this year subsequent to a strong domestic economy and recovering external trade. Looking ahead, an increase in the export performance is anticipated, along with potential investments coming into the country that will create more jobs.”

In his remarks regarding the employment situation, the Chief Statistician stated that the number of filled jobs in the second quarter of 2024 strengthened by 1.5 per cent to record 8.76 million jobs (Q2 2023: 8.64 million). Similarly, the number of jobs vacancy in the economic sector was 191.4 thousand, with a rise of 0.8 per cent compared to the same quarter last year (Q2 2023: 189.8 thousand). As for the rate-to-jobs, the filled jobs rate

remained high at 97.9 per cent while the jobs vacancy rate was 2.1 per cent. Additionally, the number of jobs created for this quarter increased at a slower pace by 0.5 per cent to record 31.9 thousand jobs (Q2 2023: 31.7 thousand).

Elaborating further on the number of filled jobs, a consistent upward trend reflected the current economic climate's progress. This stability was also evident in the positive year-on-year growth across all economic sectors for this quarter. The Agriculture sector registered the highest growth at 3.9 per cent, followed by Services (1.6%) and Manufacturing (1.3%). Breaking down the number of filled jobs by economic sectors, the Services sector was the main contributor with 4.62 million jobs (52.8%), followed by Manufacturing (2.35 million; 26.8%) and Construction (1.24 million; 14.2%). In terms of skills category, filled jobs were concentrated in the semi-skilled category with 5.49 million jobs, equivalent to 62.7 per cent, followed by the skilled category with 2.19 million jobs (25.0%) and the low-skilled category with 1.08 million jobs (12.3%).

Focusing on the jobs vacancy, the Chief Statistician noted that, "There were 191.4 thousand job vacancies in the economic sector during this quarter, an increase of 0.8 per cent as compared to the second quarter of 2023 (189.8 thousand). Analysing the jobs vacancy by skills category, the semi-skilled category made up the biggest share at 55.8 per cent with a total of 106.8 thousand vacancies, followed by the skilled and low-skilled category at 25.1 per cent (48.0 thousand) and 19.1 per cent (36.7 thousand) respectively. By the economic activities, the Manufacturing sector continued to record a positive trend in jobs vacancy claiming a share of 56.6 per cent (108.3 thousand), primarily in the Electrical, electronic and optical products sub-sector (33.6 thousand). Following this is the Agriculture sector, offering 31.8 thousand vacancies (16.6%) and the Construction sector with 26.0 thousand vacancies (13.6%)."

During this quarter, Malaysia witnessed a rise in jobs created with 31.9 thousand new jobs being added to accommodate the growing demands of various economic sectors against the same quarter of previous year (Q2 2023: 31.7 thousand). Out of the total number of jobs created, the semi-skilled category led the chart with 20.0 thousand jobs (62.9%), followed by the skilled category with 8.5 thousand jobs (26.7%) and the low-skilled category with 3.3 thousand jobs (10.4%). Looking at the composition of jobs created across economic activities, the Services sector emerged as the primary contributor at 49.8 per cent (15.8 thousand), particularly in the Wholesale and retail trade sub-sector (8.7 thousand). Next, the Manufacturing sector contributed 33.9 per cent, adding 10.8 thousand new jobs predominantly in the Electrical, electronic, and optical products sub-sector with 3.9 thousand jobs created. Meanwhile, the Construction sector represented 11.6 per cent, equivalent to 3.7 thousand jobs created.

Summarising his statement on today's release, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The labour demand is poised to continue stable throughout 2024 with positive hiring trends

*driven by the sturdy growth in the Services sector. This indication was also supported by the ongoing positive momentum in the domestic economy and a recovery in global trade, particularly in the Manufacturing sector. This was also in parallel with the increase of employed persons by 1.2 per cent which was reported in the Labour Force Statistics Report, Second Quarter of 2024. Besides, the increase of the number of persons engaged by 1.7 per cent year-on-year in the Services sector as reported in the publication of Quarterly Services Statistics, Second Quarter of 2024 is also in line with this positive momentum buoyed by the expansion of economic activities.”*

*Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.*




*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*DOSM is conducting the Agriculture Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20<sup>th</sup> each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life.” DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.*


### Exhibit 1: Employment Statistics, Q2 2024



### Exhibit 2: Labour Demand by Skill, Q2 2024



**Exhibit 3: Labour Demand by Economic Sector, Q2 2024 (% Share)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
14<sup>th</sup> AUGUST 2024**